

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 30 JUN 2010**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berusaha Tuan Haji Rusli Abdul Hamid, Pendaftar  
UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi yang ceria ini.

**Ladies and gentlemen,**

This week is a busy week for all of us. I know many of you who have just returned home from the Inter Varsity Staff Sports Championship (SUKUM) have not recovered from the exhaustion of being away for too long. And being very dynamic, we have for various programs that will run concurrently throughout these two weeks. Lining up for tomorrow is “**Program Selangkah ke Universiti**”. This program is organized by **BAKTI** in collaboration with UniMAP.

It is my hope that all staff will participate in all the programs lined up for you. Commitments from all departments and schools will serve as one of the criteria to receive the **Vice-Chancellor’s Strategy & Quality Award**.

Hadirin hadirat sekalian

- Seperti yang semua sedia maklum Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berjaya mengekalkan status selaku juara keseluruhan Sukan Staf Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) kali ke-35 yang berlansung di Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini. Kejuaran ini menunjukkan UniMAP mampu bertahan sebagai juara keseluruhan selama tiga tahun berturut-turut. Syabas dan tahniah saya ucapkan.
- UniMAP yang diketuai oleh Hirwan Jasbir Jaafar, berjaya menumpaskan 21 kontinjen yang mengambil bahagian keseluruhannya selepas memungut 7 kejuaraan, 4 naib juara dan menduduki tempat ketiga dalam 5 acara. Bagaimanapun, pada tahun ini, UniMAP terpaksa berkongsi trofi juara keseluruhan dengan tuan rumah, USM selepas kedua-dua kontinjen memungut jumlah pingat dan mata yang sama.
- Saya berpuas hati dengan pencapaian yang ditonjolkan oleh kakitangan UniMAP meskipun terdapat beberapa acara yang gagal membawa pulang pingat seperti yang disasarkan. Perkongsian juara dengan USM pada tahun ini bukan disebabkan kelemahan pasukan UniMAP tetapi ia disebabkan sistem pungutan mata serta pengasingan

pingat kategori olahraga dan boling yang menawarkan lebih dari satu pingat emas.

Hadirin sekalian,

- Minggu ini merupakan minggu yang agak sibuk bagi seluruh warga UniMAP kerana pelbagai program akan berlangsung serentak. Dan yang paling hampir sekali adalah Program Selangkah ke Universiti pada 1 Julai ini iaitu esok hari. Program ini merupakan program anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) dengan kerjasama UniMAP sendiri.
- Program "Selangkah ke Universiti" ini akan melibatkan penyertaan pelajar tingkatan empat dari seluruh negara. Program ini bermatlamat untuk mendedahkan pelajar-pelajar dengan penghidupan sebenar sebagai seorang siswa/siswi di universiti. Majlis Penutup akan disempurnakan oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Hajjah Noorainee Abdul Rahman yang merupakan Naib Yang DiPertua BAKTI.
- Sementara itu, sempena bulan Julai 2010 ini juga, UniMAP bakal menganjurkan **Bulan Komitmen Strategi Dan Kualiti Peringkat UniMAP.**

- Pelbagai program telah disusun sepanjang bulan ini dengan tujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang Pengurusan Strategi dan kualiti di peringkat universiti. Penganjuran ini juga merupakan inisiatif strategik PUSPEK dan semasa pelancaran Hari Komitmen Kualiti pada 2 Julai 2009 lalu saya juga telah berhasrat menjadikan bulan Julai pada setiap tahun sebagai bulan komitmen kualiti UniMAP.
- Saya menyeru kepada semua kakitangan untuk melibatkan diri dalam setiap program yang telah disusun sepanjang bulan Julai ini. Komitmen daripada semua pusat pengajian dan jabatan akan dijadikan sebagai salah satu kriteria dalam pemarkahan dan pemilihan untuk menerima Anugerah Strategi dan Kualiti Naib Canselor.

Hadirin sekalian,

- Pada 3 dan 4 Julai ini pula, KRU Production bersama Yayasan Tuanku Syed Putra dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan tajaan Celcom (M) Berhad akan menganjurkan tayangan amal DiRaja Filem Magika sempena Sambutan 10 tahun Pemerintahan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tuanku Raja Perlis. Justeru itu saya ingin

memohon kerjasama semua kakitangan UniMAP untuk hadir dan menonton sambil beramal.

- Selain itu, pada 4 Julai ini, kita bakal menerima lebih 2,000 pelajar baru yang akan mula mendaftarkan diri. Saya berasa amat bersyukur kerana walaupun kita menerima tempias daripada isu yang dimainkan akhbar Kosmo pada 15 Mac lalu namun ia tidak memberi kesan drastik terhadap jumlah kemasukan pelajar untuk sesi Akademik 2010/2011.
- Pada tahun ini, kita melakukan sedikit perubahan dimana sesi pendaftaran pelajar akan diadakan di Kampus Tetap UniMAP, Ulu Pauh. Ini bertujuan untuk menunjukkan kepada ibu bapa dan pelajar baru tentang kemudahan yang telah disediakan UniMAP terkenal dengan corak kampus berteragih (Distributed Campus).
- Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan menyeru semua kakitangan UniMAP yang terlibat dengan MSK Sidang Akademik 2010/2011 agar dapat memberikan komitmen 100 peratus bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran tersebut.
- Bukan hanya komitmen 100 peratus daripada kakitangan UniMAP yang saya mahukan, tetapi murahkanlah

senyuman semasa memberikan perkhidmatan walaupun ketika anda menghadapi masalah. Berilah perkhidmatan yang terbaik kerana sikap yang anda tonjolkan akan mencerminkan imej UniMAP itu sendiri.

**Kalau Ke Bukit Sama Mendaki,  
Kalau Ke Laut Sama Berenang,  
Kalau Kita Bersatu Hati,  
Kerja Yang Berat Menjadi Senang**